

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95**

**April 1995**

**FFP 361 - Farmasi Forensik**

**Masa: (3 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **(6) ENAM** soalan dan 6 muka surat yang bertaip.

Jawab **SEMUA** soalan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Anda hendak memulakan perniagaan farmasi runcit anda untuk menjual dan membekalkan keluaran-keluaran farmaseutikal terdiri dari Dadah Berbahaya, bahan-bahan psikotropik, semua kumpulan Racun Berjadual dan sebagainya.

- a) Senaraikan buku-buku dan rekod-rekod seperti yang dituntut oleh undang-undang untuk mengawal jualan keluaran-keluaran berkenaan.

**(6 markah)**

- b) Jelaskan bagaimana penyimpanan dan penyelenggaraan buku-buku dan rekod-rekod berkenaan. Jika ada jualan keluaran-keluaran berkenaan.

**(12 markah)**

2. a) i) Bincangkan tatacara untuk mengimport Tablet Bromozepam 1.5 mg (yang telah didaftar) untuk dipasarkan di Malaysia.

- ii) Nyatakan bagaimana kebenaran ini diproses dan dikeluarkan.

**(4 markah)**

b. Nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam urusan pembekalan 100 ampul Ubat Suntikan morfina 10 mg/5ml oleh seseorang ahli farmasi berlesen:

- i) Farmasi runcit untuk jualan semula  
ii) Hospital Swasta

**(8 markah)**

c. Nyatakan kumpulan orang-orang yang diberi kuasa memiliki bahan-bahan psikotropik mengikut undang-undang.

**(4 markah)**

...3/-

3. a. Apakah yang dimaksudkan dengan preskripsi. Jelaskan  
**(2 markah)**
- b. Seorang pelanggan menemui anda, ahli farmasi berlesen di FARMASI TUNGGAL, NO.11, BUKIT SETONGKOL, KUANTAN untuk mendapatkan bekalan ubat-ubat melalui preskripsi seperti berikut:

Wan Wahid bin Wan Yip No. 1 Jalan Kundur Kuantan	RX
No. Daftar: 3211 Umur : 21 tahun	1. Tablet morfina SR 15mg - 15 Tablet
Diagnosis:  Sakit belakang	2. Tablet Acid Mephenamic 250 mg tds x 1/12
	3. Tablet Diazepam 10 mg x 1/12

tt  
Dr. Ahmad

- i) Bincangkan tentang ketidak sempurnaan preskripsi di atas dan nyatakan perkara yang perlu dilakukan.  
**(8 markah)**
- ii) Sediakan label-label untuk keluaran yang dibekalkan mengikut preskripsi di atas seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dalam format yang sesuai.  
**(8 markah)**

4. Mengikut pengertian di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

a. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan

- i) Keluaran Berdaftar
- ii) Dadah
- iii) Pengilangan

**(3 markah)**

b. Nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil sebelum satu keluaran Racun Berjadual boleh diimport untuk dipasarkan di Malaysia.

**(7 markah)**

c) Senaraikan keperluan-keperluan yang perlu dipatuhi oleh seorang pengilang yang mengilang satu keluaran berdaftar.

**(8 markah)**

5. Sejenis ubat tradisional dijual kepada orang ramai dan berserta dengannya diedarkan Sisip Keluaran. Sisip Keluaran tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

a) Bincang dengan terperinci kesalahan-kesalahan tentang penyiaran dan pengedaran sisip keluaran di atas.

**(10 markah)**

b) Apakah akibat yang mungkin dihadapi oleh pihak yang terlibat dalam penyiaran ini mengikut perundangan yang berkuatkuasa.

**(6 markah)**

...5/-

## **TONGKAT MADURA ASLI**

***Khas Untuk Wanita***



**(Pengguna jamu ini akan dapat mengekalkan kesihatan dan awet muda)**

***Penggunaan:***

**Jamu ini hendaklah direndam dalam segelas air suam selama 30 minit.**

**= Airnya hendaklah diminum sekali sehari untuk melegakan sakit-sakit badan, mengekalkan kesihatan yang baik dan awet muda.**

***Kegunaan istimewa:***

- = Airnya diminum 3 kali sehari untuk merawat siplis, memulihkan keupayaan seks dan menghindar dari mengandung.**
  
- = Untuk menggugurkan kandungan, air jamu ini diminum 6 kali sehari.**

**Untuk perhatian dan rawatan khas, anda boleh membuat temu janji berjumba dengan,**

**IBU SAHALMI ALFAIDH  
SYARIKAT SENTIASA PRODUKTIF  
TINGKAT 11, WISMA RIMPEK  
KUALA LUMPUR**

**TELEFON : 4421311**

**...6/-**

6. a) Berikan 3 contoh kesalahan secara profesional yang mungkin dilakukan oleh seorang Ahli Farmasi Berdaftar.

**(6 markah)**

- b) Huraikan secara terperinci tatacara tindakan yang boleh diambil oleh Lembaga Farmasi ke atas seorang Ahli Farmasi Berdaftar yang telah didapati bersalah dan dihukum oleh Mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah seksyen 13(b) Akta Racun 1952.

**(8 markah)**

00000